

# Tradewinds beralih tumpuan niaga

Oleh JOHARDY IBRAHIM

**KUALA LUMPUR** 22 Jun - Tradewinds (M) Bhd. semakin hampir menjadikan segmen peladangan kelapa sawitnya sebagai sumber utama pendapatan berbanding penapisan gula yang sebelum ini mewakili sebanyak 60 peratus.

Pengerusi Tradewinds, Datuk Dr. Mohd. Noor Ismail (gambar) berkata, jurang nisbah penyumbang hasil syarikat akan menjadi 50 peratus kelapa sawit dan 50 peratus gula menjelang akhir tahun kewangan ini.

"Kami kini menikmati manfaat daripada tanaman kelapa sawit yang tiba ke usia matang dan harga minyak sawit yang tinggi," katanya.

Mohd Noor berkata demikian selepas mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa syarikat milik tokoh perniagaan, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary itu di sini, hari ini.

Pada masa yang sama, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Bakry Hamzah berkata, Tradewinds melalui anak syarikatnya, Central

**Jurang nisbah penyumbang hasil syarikat akan menjadi 50 peratus kelapa sawit dan 50 peratus gula menjelang akhir tahun kewangan**

Sugars Refinery Sdn. Bhd., berharap kerajaan mengkaji semula harga gula di negara ini yang tidak seimbang dengan kenaikan kos gula mentah import dari Brazil.

Katanya, kos harga gula mentah Brazil didorong oleh kenaikan harga minyak kerana kira-kira 70 peratus keluaran gula mentah Brazil sebanyak 2.3 bilion tan metrik setahun disalurkan kepada sektor minyak dan gas.

Ini kerana, katanya, produk gula mentah itu digunakan untuk mengeluarkan etanol, iaitu sejenis bahan yang digunakan dalam memproses minyak petrol.

Beliau menjelaskan, gula adalah barangan terkawal di Malaysia dengan harga runcit kepada pengguna ialah RM1.40 sekilogram, dengan kerajaan membeli 50 peratus keluaran syarikat bermula bulan

Mei tahun lalu hingga tahun 2008.

Berbanding negara lain, katanya, harga gula di Malaysia adalah kedua terendah di dunia selepas Zimbabwe sedangkan negara-negara lain di rantau ini iaitu Singapura, sekilogram gula ialah RM2.56; Thailand RM2.50; Indonesia RM3.50; Filipina RM2.49 dan Australia RM4.11.

"Secara idealnya, harga gula satu kg di Malaysia ialah RM2.50 sekilo. Bagaimanapun, permintaan kita ditolak oleh kerajaan baru-baru ini.

"Jika naik harga pun, harga yang mungkin dipersetujui kerajaan ialah RM1.80 sekilo, katanya Bakry.

CSR kini memiliki 26 peratus penguasaan pasaran gula domestik dan dengan selesainya pengambil alihan syarikat Gula Padang Terap, Perlis Sdn. Bhd. pada bulan

**MOHD. NOOR ISMAIL**  
Pengerusi Tradewinds



Ogos ini, ia akan berjumlah 42 peratus.

Katanya, CSR mengeluarkan 1,500 tan metrik gula sehari atau 260,000 tan metrik setahun manakala GPTSB sebanyak 800 tan metrik sehari atau 150,000 tan setahun.